

NINE HURT IN SITE COLLAPSE

The Star, 17/03/08

Kuching - Nine foreign workers were injured after part of the building structure of a multimillion ringgit international hotel-shopping mall project at Jalan Bukit Mata here collapsed.

The workers, one of whom suffered a broken arm, were thrown to the ground when the structure they were standing on gave way at 4pm on Saturday.

Ambulances rushed the injured workers to the Sarawak General Hospital where most of them were given outpatient treatment of cuts and bruises on their bodies.

An eyewitness said that the structure collapsed as the workers were pouring mixed concrete on part of the first floor of the building.

The cause of the incident investigated.

Some 25 workers, most of them foreigners and aged between 25 and 35, were working on the project when the incident occurred.

REMAJA MAUT JATUH TINGKAT TUJUH PREMIS

Berita Harian, 03/03/08

Kuala Lumpur - Seorang remaja lelaki maut apabila terjatuh dari tingkat tujuh sebuah premis yang sedang diubah suai di pusat beli-belah, Berjaya Times Square, di sini, petang semalam.

Jamilman Haris, 19, dari Kampung Pandan bersama teman wanitanya dikatakan sedang mencari tempat untuk membuang air kecil.

Komandan Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Hang Tuah, Christopher Chong, berkata keadaan premis yang gelap menyebabkan mangsa tidak sedar adanya lubang seluas sembilan meter.

"Bomba yang mendapat panggilan 6.27 petang bergesang dengan satu jentera bersama 23 anggota untuk menyelamatkan mangsa.

"Bagaimanapun, ketika pasukan bantuan kecemasan tiba, mangsa disahkan mati dan dihantar ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk bedah siasat", katanya ketika di temui di tempat kejadian.

Jurucakap polis memberitahu, kejadian diklasifikasikan mati mengejut kerana tiada unsur jenayah.

TIGA MATI JATUH TINGKAT 13

Kosmo, 30/03/08

Kuala Lumpur - Akibat dipercayai tidak mengutamakan keselamatan, tiga pekerja warga Indonesia terbunuh selepas terjatuh dari tingkat 13 di sebuah bangunan 14 tingkat di Jalan Hijrah 15 dekat Kampung Sungai Sering, Ampang di sini semalam.

Pada kejadian pukul 10 pagi tersebut ketiga-tiga mangsa sedang menyimen dinding bangunan dengan menggunakan lif kawalan yang mampu menampung beban seberat 13,000 kilogram.

Difahamkan, ketika kejadian ketiga-tiga buruh terbabit tidak memakai topi dan tali pinggang keselamatan.

Bereja, yang terkorbam dikenali sebagai Sriandi, 36, dari Nganjuk, Supranto, 21, dari Ponorogo dan Mastam, 33, dari Bolejogoro, Indonesia.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Abd. Jalil Hassan berkata, kejadian itu berlaku apabila lif kawalan yang dinaiki mangsa menjadi senget ke kiri ketika mereka sedang asyik melepasi simen.

Katanya, kejadian itu mungkin di sebabkan salah seorang mangsa melanggar kunci yang dipasang di lif tersebut hinggakan menyebabkannya terbuka lalu senget.

Polis bagaimanapun menolak sebarang perbuatan khianat sebagai punca kejadian itu.

"Ketiga-tiga mangsa jatuh serentak sebaik lif itu senget menyebabkan mereka mati di tempat kejadian akibat kecederaan parah di kepala," katanya di sini semalam.

Tambah Abd. Jalil, pihaknya juga telah mengarahkan segala kerja pembinaan di tapak pembinaan tersebut dihentikan untuk siasatan.



your preferred partner to enhance OSH

NIOSH Malaysia Newsletter...bringing you OSH updates

Editorial

WE APPRECIATE YOUR CONTRIBUTION. Articles, views, Suggestions, Comments and feedback may be sent to:

The Editor
For Your Info
NIOSH
Lot 11, Jalan 161, Section 15,
43100 Bandar Baru Bangs,
Selangor.
Tel: 603-892 2100
Fax: 603-892 5100
oshinfo@mosaic.com.my

FYI is published monthly by the Information Services Unit. Information and recommendations contained in this publication are compiled from sources believed to be reliable. NIOSH makes no guarantee as to and assumes no responsibility for the correctness, sufficiency or completeness of such information and recommendations. Other additional safety measures may be required under particular circumstances. Articles may be reproduced with the permission from the Editor.

NO	COURSES	NO OF DAYS	COURSE FEE (RM)	COURSE CODE	INDIC. SCHEME	MAR	APR	MAY
Public Programmes								
CEP 1	Accident Investigation & Reporting Workshop	NEW EDITION	2	800.00	AW	SBL	14-15	
2	Back Protection Programme	NIOSH	2	800.00	BPM	SBL		
CEP 3	Emergency Response Plan & Preparedness		2	800.00	ERP	SBL	09-10	
CEP 4	Ergonomics & Manual Handling in the Workplace		2	800.00	EMHW	SBL		
CEP 5	Hazard Identification, Risk Assessment & Risk Control (HARRC)		3	1,200.00	HRC	SBL	10-12	
6	Hearing Loss Prevention & Audiometric Testing Programme		1	575.00	HLPTA	SBL		
7	Lift Function Testing & Analysis		1	300.00	LFTA	SBL		
8	Occupational Safety & Health Act 1994		1	300.00	OSHA	PROLUS		
9	OSH for Supervisors		2	800.00	OSH-SV	SBL		
Certificate / Competency Programmes								
CEP 10	Monitoring of Chemical Hazardous to Health		5	3,000.00	MM1	SBL	14-18	
CEP 11	Inspection, Testing & Examination of Engineering Control Equipment		6	3,000.00	ITEP	SBL	19-22	
CEP 12	Monitoring of Noise Exposure		4	1,800.00	MNE	SBL		
CEP 13	Safe Handling of Fluids/Toxic Compounds Programme		3	1,000.00	SHFT	SBL	04-06	
Skaffolding 3 in 1								
14	Skaffolding 3 in 1 (Frame / Tubular / Modular) - Basic		8	2,500.00	BSC	SBL	10-13	13-28
15	Skaffolding 3 in 1 (Frame / Tubular / Modular) - Intermediate		10	3,700.00	ISC	SBL		
16	Skaffolding 3 in 1 (Frame / Tubular / Modular) - Advanced		10	5,000.00	ASC	SBL		
CEP 17	Occupational Health Doctor (OHD) - Module 1 (Workshop)		3	800.00	OHD1	SBL	25-27	23-25
	OHD - Module 2		3	1,500.00	OHD2	SBL	28-30	
	OHD - Module 3		3	1,500.00	OHD3	SBL	31-03	
CEP 18	Occupational Health Nurse (OHN)		13	6,100.00	OHN	SBL		
	OHN Module 2		5			SBL	10-15	
	OHN Module 3		3			SBL	07-11	
	OHN Refresher		2			SBL		TBA
Trainer's Programmes								
19	Safety and Health Induction For Construction Workers		4	2,000.00	SIW	SBL		
20	Trainer's Competency Programme (Modular)	NEW EDITION	10	4,000.00	TTT	SBL		
	Module 1: Basic Train the Trainer		4	1,200.00	TTT1	SBL	24-27	26-29
	Module 2: Advanced Train the Trainer		4	2,100.00	TTT2	SBL	21-26	
	Module 3: NIOSH Advanced Training Analysis & Quality Training Management		2	1,700.00	TTT3	SBL	25-28	
21	Trainer's Competency Programme (Part Time - Saturday & Sunday)		10	4,000.00	TTT	SBL		
CEP	Module 1: Basic Train the Trainer		4	1,200.00	TTT1	SBL		
CEP	Module 2: Advanced Train the Trainer		4	2,100.00	TTT2	SBL	19-27	
CEP	Module 3: NIOSH Advanced Training Analysis & Quality Training Management		2	1,000.00	TTT3	SBL		15-25



www.niosh.com.my



NIOSH Malaysia Newsletter...bringing you OSH updates

3 MARCH 2008



ISSN: 1675-5464

Sekitar Seminar PENCEGAHAN HAZARD DAN RISIKO: SEMINAR KOMPREHENSIF MENGENAI PENGGUNAAN PPE SECARA EFEKTIF di Bukit Jalil Golf & Country Resort, 25-26 Mac 2008



Pada 25-26 Mac 2008, Bahagian Teknologi dan Maklumat NIOSH telah menganjurkan sebuah Seminar Komprehensif mengenai Penggunaan PPE secara Efektif di Bukit Jalil Country and Golf Resort, Kuala Lumpur. Seminar tersebut yang dirasmikan oleh Pengerusi NIOSH, Tan Sri Lee Lam Thye telah mendapat penyertaan seramai 161 orang. Tujuan seminar ini diadakan adalah untuk mendedahkan kepada para pekerja mengenai perundangan berkaitan penggunaan PPE, Penggunaan PPE secara berkesan dan lain-lain. Dengan adanya penyertaan seminar-seminar seperti ini, adalah diharapkan dapat membantu memberikan kesedaran kepada para pekerja mengenai kepentingan penggunaan PPE yang betul dan efektif bagi mengelakkan kecederaan dan kemalangan di tempat kerja.

Article

UCAPAN PERASMIAN OLEH Y.BHG.TAN SRI DATO' LEE LAM THYE Pengerusi, NIOSH Malaysia di PENCEGAHAN HAZARD DAN RISIKO: SEMINAR KOMPREHENSIF MENGENAI PENGGUNAAN PPE SECARA EFEKTIF

Penggunaan Kelengkapan Perlindungan Diri (PPE) merupakan salah satu kaedah untuk melindungi pekerja daripada kemalangan di tempat kerja. Namun begitu, penggunaannya bukanlah jalan penyelesaian yang terbaik.

Ini kerana cara paling efektif untuk mengelakkan daripada berlakunya kemalangan adalah dengan mengurangkan hazard dan risiko di tempat kerja.

Namun, dalam sesuatu keadaan penggunaan PPE ini amat perlu dan merupakan cara terakhir untuk melindungi pekerja daripada risiko kemalangan. Contohnya sewaktu mengendalikan bahan kimia berbahaya, sewaktu bekerja di tempat tinggi atau menjalankan kerja-kerja penryenggaraan dan lain-lain aktiviti pekerjaan yang boleh mendatangkan risiko kecederaan atau boleh menjejaskan kesihatan para pekerja.

Oleh kerana itu, terdapat beberapa peruntukan undang-undang yang menekankan penggunaan PPE oleh pekerja sewaktu menjalankan tugas mereka. PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN, KESIHATAN DAN KEBAJIKAN KILANG DAN JENTERA 1970 DI BAWAH PERATURAN 32 mewajibkan penggunaan Pakaian keselamatan, Topi keselamatan, Sarung tangan, alat Perlindungan mata.

Manakala, AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994 menekankan penggunaan PPE untuk mengawal pendedahan Bahan Kimia Berbahaya, Pendedahan Bunyi Bising dan perlindungan daripada lain-lain hazard seperti hazard fizikal, elektrik, sinaran dan lain-lain.

Akta tersebut turut menekankan kewajipan majikan untuk membekalkan PPE bagi melindungi mereka daripada ditimpa kecederaan atau menjejaskan kesihatan mereka semasa bekerja.

Oleh itu, pemilihan dan pembelian PPE yang sesuai serta menepati spesifikasi pembuatan adalah amat penting. Justeru itu, majikan hendaklah terlebih dahulu mengenalpasti jenis hazard yang dihadapi oleh pekerja mereka.

Malah, menjadi tanggungjawab setiap majikan untuk memberikan latihan berkaitan penggunaan PPE yang perlu digunakan oleh pekerja.

Mengikut statistik kemalangan dari PERKESO pada tahun 2005 contohnya, lebih 2,798 pekerja dilaporkan mendapat kecederaan mata berbanding 3,000 orang pada tahun 2003; 1,342 cedera di kepala berbanding 1,338; dan 7,872 mendapat kecederaan di tangan berbanding 8,670.

Walaupun kes dilihat seperti semakin menurun namun kejadian kemalangan ini mungkin dapat dielakkan dengan penggunaan PPE yang sesuai dan betul.

Antara kecederaan-kecederaan yang dilaporkan melibatkan lebih daripada 61,882 pekerja pada tahun 2005 adalah keretakan tulang, hentaman kuat dan cedera dalaman, amputasi, terbakar, terdedah kepada racun, mati lemas atau asphyxia, terdedah kepada elektrik, kesan radiasi dan lain-lain.

Jelas sekali, peralatan-peralatan seperti topeng pernafasan, kasut keselamatan, sarung tangan, topi keselamatan dan lain-lain jenis peralatan perlindungan diri tidak digunakan sewaktu menjalankan tugas.

Contohnya kes mati lemas atau asphyxia boleh berlaku di ruang-ruang terkurung. Untuk itu, adalah penting bagi pekerja untuk menggunakan PPE bagi memastikan keselamatan mereka.

Kalau kita kaji kes-kes kemalangan yang berlaku, putus jari, rambut masuk ke dalam mesin, hilang pendengaran mahupun kes-kes seperti jatuh, ditimpa benda berat atau terdedah kepada bahan kimia yang memudaratkan, hanya boleh dielakkan.

Bukanlah sesuatu perkara yang mustahil untuk mengurangkan kadar kemalangan di tempat kerja kalau kita semua bekerjasama mempraktikkan cara kerja yang selamat dan sihat.

Pihak majikan mahupun para pekerja hendaklah mempunyai kesedaran yang tinggi mengenai kepentingan PPE ini. Pihak majikan perlu lebih tegas dalam memastikan kepatuhan pekerja dalam menggunakan PPE.

Pandangan dan maklumbalas pekerja sebelum membuat pembelian mana-mana PPE adalah penting bagi memastikan kesaesahan mereka. Ini kerana, ia boleh menjejaskan psikologi pekerja dan memberi kesan terhadap proses sesuatu kerja.

Para pekerja pula, harus dilengkapkan dengan latihan sewajarnya mengenai penggunaan PPE yang betul dan sesuai. Mereka harus diberi penerangan mengenai kenapa dan bagaimana untuk menggunakan PPE bagi menjamin keselamatan dan kesihatan mereka di tempat kerja.

Pekerja juga harus tahu kualiti dan standard PPE yang boleh digunakan agar mereka tidak menggunakan PPE yang tidak berkualiti atau yang kurang baik. Setiap pekerja harus diingatkan bahawa tiada jalan singkat untuk keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Article

Kebelakangan ini, kita telah mendengar pelbagai komen dan reaksi mengenai harga setengah PPE terutama yang diimport dari luar negara yang semakin mahal. Oleh itu, kebanyakan majikan telah memilih alternatif yang paling mudah, membeli PPE dengan harga yang murah tanpa memperdulikan kualitinya.

Ini telah mengakibatkan lebih banyak lagi kemalangan, berikutan penggunaan peralatan yang sememangnya tidak memenuhi spesifikasi yang ditetapkan atau yang sememangnya bukan dibuat berdasarkan ciri-ciri keselamatan.

Ada majikan yang langsung tidak membekalkan PPE kepada para pekerjanya berikutan kos yang tinggi ini. Oleh itu, bagi mengalakkan para majikan untuk membekalkan PPE kepada para pekerja mereka, kerajaan hendaklah memberikan rebat cukai terhadap mana-mana peralatan-peralatan PPE yang diimport.

Manakala, penguat PPE tempatan hendaklah diberikan subsidi sewajarnya bagi menghasilkan PPE yang berkualiti, memenuhi spesifikasi dan selamat untuk digunakan.

Saya juga berharap, majikan tidak akan menggunakan alasan kos yang tinggi untuk tidak membekalkan PPE kepada para pekerja mereka. Keselamatan dan kesihatan para pekerja bukanlah satu perkara yang boleh diambil mudah.

Pekerja di pejabat atau dikenali sebagai pekerja kolar putih juga boleh menghadapi pelbagai jenis risiko bahaya di dalam bangunan contohnya sindrom bangunan tidak sihat atau 'Sick Building Syndrome'.

Sick Building Syndrome ini mungkin berpunca dari sistem pengudaraan yang tidak di selenggarakan dengan baik serta peralatan di dalam pejabat seperti mesin fotostat dan alatulis yang menghasilkan habuk dan sisa kimia.

Pendedahan pekerja terhadap habuk dan sisa seperti ini boleh dikurangkan lagi dengan pemakaian PPE yang sesuai seperti topeng keselamatan atau Mask dan sarung tangan atau Gloves.

Adalah tanggungjawab kita semua untuk menyediakan tempat kerja selamat dan sihat kepada para pekerja supaya mereka rasa selamat dalam menjalankan tugas-tugas mereka. Apabila para pekerja tidak terasa terancam dan merasa selesa ketika menjalankan tugas mereka, barulah produktiviti dan kualiti terjamin.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya hari ini, saya ingin mengucapkan syabas kepada peserta-peserta seminar hari ini yang mempunyai kesedaran yang tinggi tentang kepentingan PPE.

Saya amat berbangga dengan komitmen yang ditunjukkan oleh para peserta di Seminar ini. Saya pasti, kerjasama antara NIOSH dan industri-industri yang telah terjalin sekian lama, pasti akan memudahkan kami untuk membudayakan kerja selamat dan sihat di semua tempat kerja di Malaysia.

Selamat berseminar dan dengan ini, saya merasmikan SEMINAR KOMPREHENSIF MENGENAI PENGGUNAAN PPE SECARA EFEKTIF.

Sekian terima kasih.

Y. BHG. TAN SRI DATO' LEE LAM THYE,
Pengerusi NIOSH Malaysia

Fall Protection

There are several occupations in which it is necessary for employees to work at heights. In order to guarantee their safety, these workers must be provided with adequate protection from possible dangers for example falling. This can be achieved in several manners. The most secure way to diminish this threat is by means of engineering solutions that may incorporate such things as secure approach points to high areas, walkways with appropriate guardrails and covered work areas on platforms.

However on certain conditions engineering controls are not feasible. Such circumstances would entail the utilization of a suitable fall protection system. A fall protection system is made up of specific personal protective gear intended either to thwart a fall in the initial stage or minimizing the harm to a worker when he falls. Fall protection gear may consist of harnesses, lanyards, lifelines and anchorage points. There are substantial dissimilarities in equipment, configurations and standards and depend on the nature of the work for which they are utilized.

The majority of people who work at heights aware of specific innate dangers linked to this activity. Certainly, the intensity

of risk depends on two things, the possibility that a fall will take place and if it does the effect of that fall.

Article

Fall arrest system



Accidents linked to heights claim a number of lives globally and in general industry they come next to traffic accidents.

- A fall arrest system can prove useful in minimizing the dangers associated with a fall.
- A fall arrest system is made in such a way that when connected the user remains upright with their feet touching the ground.
- They are designed in this manner since it minimizes the chances of the user hitting the ground with his head.

However it has been observed that workers often forget about the inherent dangers associated with their work once they are connected to the harnesses they is given. They feel secure and do not think about the dangers associated with their job. It has to be borne in mind that a fall arrest system cannot totally eradicate the risks but can help in minimizing them.

Training is not simply confined to instructing people how to put on a harness but it is make every worker realize the importance of putting on that harness
In most of the industries there will be certain situations in which someone is exposed to the trap of a fall. For instance, even in activities related to agriculture there is a need for an individual to climb up to fix a tarp to a high stack of hay bales.

Activities related to construction are more vulnerable to the dangers of fall. However the temporary nature of the workforce makes investment in safety products for individuals tough and hence there is a propensity to use compliance products. However compliance products fail to provide the necessary comfort while in use.

Source : <http://www.worksafetyguide.com/office-safety/fall-protection.php>

